

Analisis Pengkategorian Spesis Haiwan Menerusi Kitab *Kifāyah Al-Muhtadī* Karya Syeikh Muhammad Nur Al-Fatānī: Perspektif Halal dan Zoologi

Analysis of Animals Species Categorization in The Book of Kifāyah Al-Muhtadī by Sheikh Muhammad Nur Bin Muhammad Al-Fatānī: Halal and Zoological Perspectives

MOHD MAHYEDDIN MOHD SALLEH, MOHD ANUAR MAMAT, MUSTAFA ‘AFIFI AB. HALIM, MOHAMMAD NAJIB JAFFAR & NUR AIDA MD TAMRIN

ABSTRAK

Karya Melayu klasik yang dikarang oleh para ilmuwan Islam terdahulu merupakan khazanah bernilai yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti tauhid, ibadat, muamalat, jinayat dan munakahat. Kitab *Kifayah al-Muhtadi* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Nur al-Fathani menjadi antara sumber rujukan para ilmuwan kontemporari dalam mengetahui hukum makanan, termasuklah status haiwan yang halal dan haram. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa istilah yang kurang jelas maksudnya disebabkan oleh penggunaan istilah klasik, serta sesetengahnya jarang didengari oleh masyarakat kini. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah pengkategorian haiwan halal dan haram yang terdapat di dalam kitab *Kifayah al-Muhtadi*, menganalisis istilah-istilah haiwan yang terdapat dalam karya tersebut dan menterjemahkan ke dalam istilah moden yang bertepatan dengan ilmu sains haiwan dan zoologi. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis secara tekstual/kandungan terhadap setiap spesies haiwan yang telah dinyatakan dalam karya tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 66 spesies haiwan halal dan haram yang dinyatakan di dalam kitab tersebut, merangkumi empat kategori haiwan seperti: 1) binatang laut, 2) binatang darat 3) burung, dan 4) lain-lain kategori. Antara ruang penambah baikan yang perlu dilakukan adalah mencari definisi atau istilah yang lebih tepat bagi setiap spesies haiwan yang dinyatakan.

Kata kunci: *Kifayah al-Muhtadī*; haiwan; istilah; halal dan haram

ABSTRACT

The classical Malay literatures created by the Islamic scholars of the early centuries are valuable treasures that encompass various disciplines such as tawhid, worship, muamalat, jinayat and munakahat. The book of *Kifayah al-Muhtadi* written by Sheikh Muhammad Nur al-Fathani is an important reference for contemporary scholars in understanding the law of food, including the status of halal and haram animals. However, there are still some animal terms that have unclear meaning due to the use of classical terms, and some are rarely heard by modern society. Thus, the aim of this study is to identify the methods of classifying halal and haram animals contained in the book of *Kifayah al-Muhtadi*, analyze the terms of animals in the work and to translate them into modern terms that coincide with animal science and zoology. This qualitative study applied documentation method and has been analyzed in a textual/content analysis of any animal species listed in the book. The study revealed that there are 66 species of halal and haram animals listed in the book, covering four categories of animals such as: 1) aquatic animals, 2) land animals, 3) birds, and 4) other categories. There is, nevertheless, opportunity for improvement, especially in finding more precise terminology for each species described.

Keywords: *Kifayah al-Muhtadī*; animals; terms; halal and haram

PENGENALAN

Antara hasil kesarjanaan cendiakawan Melayu-Islam adalah karya yang ditulis merentasi pelbagai topik dan perbincangan hukum Islam merangkumi ibadah,

muamalah, munakahat dan lain-lain. Pada awal perkembangan Islam di alam Melayu, karya-karya ini berperanan penting khususnya dalam mendidik masyarakat Melayu untuk menjalani kehidupan berteraskan Islam (Malik, Abdul Hamid & Abdul

Rahim 2020). Namun begitu, penulisan karya-karya ini boleh dikatakan bermula sedikit lewat, sekitar abad ke 17 Masihi dengan terhasilnya kitab *al-Sirāt al-Mustaqīm* yang ditulis oleh Sheikh Nuruddin al-Raniri (Jamalluddin 2014).

Perkembangan penulisan fiqah alam Melayu dapat dibahagikan kepada beberapa lokasi utama. Penyebaran penulisan karya ulama Melayu ini memberi kesan yang besar dalam meningkatkan kefahaman masyarakat dari sudut ilmu sosiologi dan hukum Islam. Antara tempat utama yang mencetuskan perkembangan penulisan ulama Melayu dalam bidang fiqah adalah seperti Aceh, Tanah Melayu dan Patani. Di era awal, penulisan fiqah Melayu bermula di Aceh sehingga perkembangan karya fiqah Melayu mencapai puncaknya pada abad ke-19. Selain itu, penulisan karya-karya ini turut berkembang pesat di Patani. Ini disokong dengan kewujudan pelbagai karya fiqah Melayu hasil karangan para ulama Patani. Terdapat beberapa faktor penting yang membawa kepada perkara ini, antaranya faktor demografi dan kemampuan intelektual ulama Patani dalam menulis pelbagai karya bernilai tinggi. Perkara ini turut diakui oleh para sarjana dan cendiakawan Melayu Islam yang lain (Malik, Abdul Hamid & Abdul Rahim 2018).

Menurut Ismail dan Jalil (2022), kitab *Kifāyah al-Muhtadī Pada Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadī* merupakan penjelasan kepada Kitab “*Sullam al-Mubtadī Fī Ma’rifah Tarīqah al-Muhtadī*” yang dikarang oleh Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. Kitab *Kifāyah al-Muhtadī* diterbitkan dengan tujuan untuk memudahkan para pembaca serta menjelaskan istilah yang sukar difahami dalam kitab *Sullam al-Mubtadī*. Selain itu, kitab tersebut juga merupakan kitab jawi dalam bahasa Melayu yang disyarah buat kali pertama, iaitu menerusi kitab *Kifāyah al-Muhtadī Fī Sharḥ Sullam al-Mubtadī* (Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Ismail al-Fatani 1931). Justeru, dapat dikatakan bahawa Kitab *Kifāyah al-Muhtadī* ini berperanan sebagai sumber kedua dalam memahami sumber utama.

Kitab *Kifāyah al-Muhtadī* merupakan salah sebuah kitab Melayu klasik yang turut membincangkan fasal(bab)pemakanan.Kebanyakan perbahasan dalam bab tersebut memfokuskan mengenai haiwan yang halal dan haram dimakan mengikut kategori haiwan yang berbeza iaitu laut,

darat dan terbang. Perkara ini adalah sejajar dengan syariat Islam yang menitikberatkan status halal dan haram dalam pengambilan makanan seseorang individu Muslim (Halim & Salleh 2012). Ini kerana Islam milarang keras para penganutnya untuk mengambil atau makan daripada sumber yang haram atau tidak halal (Ahmad, Mohd Salleh & Halim 2019). Antara cabaran dalam karya klasik ialah, meskipun terdapat penerangan mengenai hukum makanan, namun masih terdapat istilah klasik yang memiliki kesamaran dan tidak diketahui maksudnya oleh masyarakat moden (Salleh, Mamat, Halim & Jaffar 2022).

Selain itu, terdapat juga beberapa istilah bahasa Arab yang dinyatakan oleh penulis karya berkenaan tanpa terjemahan, kerana tidak disertakan dengan penjelasan yang tepat atau sesuai dengan maknanya dalam bahasa itu. Justeru itu, artikel ini akan menganalisis kaedah pengkategorian haiwan halal haram yang terdapat dalam karya atau kitab *Kifāyah al-Muhtadī*, mengkaji istilah-istilah haiwan yang terdapat dalam karya tersebut dan menterjemahkannya ke dalam istilah moden yang bertepatan dengan ilmu sains haiwan dan zoologi. Kajian ini dijangka dapat membantu menyumbang kepada sektor halal negara menerusi pemerkasaan penyelidikan, intelektual dan modal insan halal seperti dinyatakan dalam *Halal Industry Master Plan 2030*.

SOROTAN LITERATUR

BIODATA SYEIKH MUHAMMAD NUR BIN MUHAMMAD BIN ISMA’IL AL-FATHANI

Syeikh Muhammad Nur Bin Muhammad Bin Isma’il al-Fathani (1290 H/1873 M - 1363 H/1944 M), telah dilahirkan di Makkah dan mendapatkan pendidikannya di sana. Kemudian, beliau telah berhijrah ke Kaherah bagi pengembalaan menuntut ilmu dan pulang semula ke tempat kelahirannya di Makkah (Ahmad Fathy al-Fatani 2002). Syeikh Muhammad Nur al-Fathani juga merupakan seorang ulama yang lahir dalam kalangan keluarga yang ternama dan mementingkan ilmu pengetahuan. Ini dapat dibuktikan dengan kedudukan ayahandanya iaitu Syaikh Muhammad Shaghir, yang merupakan seorang ulama kenamaan. Hal ini dapat dilihat dalam catatan oleh Syaikh ‘Abdus Sattar al-Dahlawi dalam kamus *tarājim*-nya yang berjudul *Faidhul*

Malikil Wahhabil Muta'ali bi Anba'i Awailil Qarnits Tsalits 'Asyar wat Tawali, yang memberi gelaran 'alim, fadhil, dan syaikh kepada ayahanda beliau iaitu Syaikh Muhammad Shaghir (Ahmad Fathy al-Fatani 2002).

Antara barisan guru beliau ketika menyambung pelajarannya di Mesir adalah Syeikh Bakhit iaitu seorang ulama dalam Mazhab Hanafi, Syeikh Muhammad Abduh merupakan tokoh gerakan pembaharuan, dan Saiyid Rasyid Ridha merupakan anak murid dan orang kanan kepada Syeikh Muhammad Abduh. Beliau juga berkawan rapat dengan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Minankabawi yang merupakan pencetus kepada gerakan Kaum Muda. Namun demikian, antara sikap yang ditunjukkan oleh beliau adalah dengan mengambil jalan tengah serta tidak menunjukkan kecenderungan kepada mana-mana pihak samada dari kalangan Kaum Tua atau Kaum Muda. Dalam bidang fiqh dan aqidah, beliau menjadikan Mazhab Syafie dan mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah sebagai pegangan. Pendekatan sedemikian secara tidak langsung melahirkan rasa hormat oleh pihak Kaum Tua dan Kaum Muda kepada Syeikh Muhammad Nur al-Fathani (Ahmad Fathy al-Fatani 2002).

Syeikh Muhammad Nur al-Fathani memiliki riwayat hidup yang agak berlainan berbanding para ulama lain. Ini disebakan beliau merupakan antara ulama di Makkah yang berpeluang menjawat jawatan penting dalam dua pemerintahan. Ketika zaman pemerintahan Syarif Husein, beliau telah dilantik ke jawatan besar iaitu sebagai ahli majlis pendidikan, seterusnya sebagai hakim mahkamah utama (*mahkamah al-kubrā*) di Mekah. Jawatan itu kekal sehingga ke era pemerintahan Ibnu Sa'ud. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai anggota badan kehakiman sehingga beliau wafat (Ahmad Fathy al-Fatani 2002).

KAEDAH PENYUSUNAN KITAB *KIFĀYAH AL-MUHTADĪ*

Kaedah penyusunan kitab *Kifāyah al-Muhtadī* adalah hampir sama dengan kitab *Sullam al-Muhtadī*. Penulis iaitu Syeikh Muhammad Nur al-Fathani memulakannya dengan kata pendahuluan, sebelum diikuti dengan mukadimah oleh Syeikh Daud al-Fathani. Isi kandungan kitab bermula dengan Bab Aqidah, seterusnya dituruti dengan 16 buah *kitab* yang menjelaskan hukum fiqh berdasarkan pandangan dalam mazhab Syafi'i.

Setiap *kitab* yang dibahagikan kepada beberapa fasal. Syeikh Muhammad Nur al-Fathani turut membuat penambahan iaitu dengan memasukkan topik bagi setiap fasal. Kaedah ini didapati berlainan sedikit dengan kaedah penyusunan dalam kitab *Sullam al-Muhtadī* yang hanya menyebutkan fasal sahaja tanpa topik perbahasan. Kaedah yang digunakan dengan penetapan topik memberi kemudahan kepada pembaca untuk mencari masalah yang ingin mereka rujuk.

Sebagai contoh, pada fasal pertama mengenai Kitab *al-Salāt*, beliau menyebut "*Pada menyatakan barang yang wajib atas segala wali-wali*". Bagaimanapun, pada tiga fasal di bawah perbincangan Bab *Fi al-'Aqidah*, tajuk tidak disertakan, sebaliknya penulis hanya menukilkan kata-kata Syeikh Daud al-Fathani, iaitu mengikut Fasal (ditulis menggunakan tulisan 'Arab). Kitab ini disudahi dengan *Khatimah* (penutup), yang diasingkan mengikut beberapa fasal seperti mana yang terdapat pada susunan kitab *Sullam al-Muhtadī*. Huraian bagi *Khatimah* turut ditambah oleh Syeikh Muhammad Nur al-Fathani, dengan nukilannya; "*Kesudahan pada menyatakan segala perangai yang baik dan jahat*". Selain itu, pada bahagian *Khatimah* disertai dengan tujuh fasal (Ahmad Fathy al-Fatani 2002).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan pendekatan metodologi kualitatif, yang melibatkan kutipan data kajian secara analisis tekstual. Menurut Merriam (2009), analisis tekstual merupakan salah satu teknik bagi mengumpulkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Pengumpulan data dilakukan secara sistematis sama ada daripada sumber primer dan sekunder, melibatkan rujukan terhadap karya utama iaitu *Kifāyah al-Muhtadī*, jurnal dan artikel ilmiah. Nama-nama spesis haiwan disenaraikan secara tematik mengikut kategori haiwan. Ejaan ke dalam tulisan jawi telah dipindahkan ke tulisan rumi dan cara sebutannya juga telah disemak oleh Ust Ashaari Husin (pakar ilmuwan pondok Pokok Sena, Pulau Pinang), bagi memastikan ketepatan. Semakan silang turut dibuat berpandukan kitab *Kifāyah al-Muhtadī* edisi transliterasi tulisan jawi kepada rumi oleh Noraine Abu (2022), terbitan Al-Hidayah Publication.

Berikutnya, carian nama saintifik dan gambarajah binatang bagi setiap spesis dibuat menerusi enjin carian Google.com, Animal Diversity Website dan Wikipedia.com. Enjin carian ini bukanlah berfungsi sumber utama bagi kajian ini, sebaliknya untuk membantu memudahkan proses pengenalpastian nama spesis haiwan berkenaan. Carian dibuat berdasarkan istilah asal yang dinyatakan dalam kitab *Kifāyah al-Muhtadī*. Data-data ini kemudiannya dibuat pengesahan dengan merujuk kepada pakar sains haiwan dan zoologi iaitu Dr. Nur Aida Md Tamrin, Pensyarah Kanan di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berkepakaran dalam bidang ekologi dan genetik hidupan liar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

ANALISIS PENGKATEGORIAN HAIWAN HALAL DAN HARAM DALAM KITAB *KIFĀYAH AL-MUHTADĪ*

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan terhadap isi kandungan kitab *Kifāyah al-Muhtadī* pada bab makanan yang halal dan haram dimakan, terdapat 4 kategori haiwan dan hukum-hukumnya seperti yang telah diklasifikasikan dalam Jadual 1 di bawah. Status haiwan tersebut telah diwarnakan dengan kotak berwarna hijau (halal) dan merah (haram). Sebab pengharaman dan penghalalan haiwan tersebut juga turut dinyatakan berdasarkan penerangan yang diberikan oleh pengarang kitab mengikut jenis haiwan-haiwan tertentu.

JADUAL 1. Klasifikasi Haiwan Mengikut Kategori dan Justifikasi

1) KATEGORI BINATANG LAUT					
No.	Istilah Asal Kitab (Jawi/Arab)	Istilah Moden (Rumi)	Status Halal/Haram	Sebab Halal/Haram Berdasarkan Pengarang Kitab	Halaman
1.	ایکن	Ikan	Halal	Tiap-tiap binatang yang daripada binatang laut yang tiada hidup di darat dengan hidup ikhtiar dan tiada padanya itu racun yang memabukkan. Lagi tiada berkehendak kepada sembelih lagi akan binatang laut itu dan jikalau adalah binatang laut yang tiada hidup pada dua negeri itu atas barang rupanya dan jikalau seperti rupa manusia atau anjing atau babi sekalipun	
2.	اولر اير	Ular Air			188
3.	ڪانق اير	Katak Air			
4.	ڪم باتو	Ketam Batu		Hidup di dua negeri pada laut dan darat, kerana ada padanya mudarat bagi badan manusia, atau bersanggatan keji rupanya	
5.	فیبو	Penyu			
6.	بوای	Buaya			
7.	نسناس	Nisnas			
8.	مراع	Memerang	Haram		
9.	بونتل	Buntal		Mempunyai racun kerana mudarat	

bersambung ...

... sambungan

2) KATEGORI BINATANG DARAT					
10.	اونتا	Unta			
11.	لبو	Lembu			
12.	کربو	Kerbau		Kategori ni'am	
13.	کمیبغ	Kambing			
14.	کبیش	Kibasy			
15.	روسا	Rusa			
16.	سلادرغ	Seladang			
17.	کیچع	Kijang			
18.	ارنب	Arnab	Halal		188
19.	یربع	Yarbu'			
20.	حمار	Keldai		Tiada perincian oleh pengarang	
21.	ایم هوتن	Ayam hutan			
22.	ایتبیق	Itik			
23.	اغسا	Angsa			
24.	ضب	Dhab			
25.	لندق	Landak			
26.	وبر	Wabar			
27.	اولر	Ular			
28.	کالا	Kala		Sunat dibunuhkan dia	
29.	تیکوس	Tikus			
30.	بوروغ هلخ	Burung helang			
31.	تیف ۲ بناتغ بیغ بواس بیغ منکرم	Tiap-tiap binatang buas yang menerkam	Haram	Tiada perincian oleh pengarang	189
32.	خطاف	Khattaaf			
33.	کلاور	Kelawar		Binatang yang ditegah daripada membunuhnya (kerana tiada mudharatnya)	
34.	لبه	Lebah			
35.	سموة پسر	Semut besar			

bersambung ...

... sambungan

36.	هريمو	Harimau				
37.	بادق	Badak				
38.	دب	Dubbun				
39.	سيغا	Singa				
40.	حمار نضری	Keldai negeri				
41.	برواغ	Beruang	Haram	Binatang bertaring yang berkuat ia dengan dia		188
42.	ضاجه	Gajah				
43.	کرا	Kera				
44.	کوخیخ	Kucing				
45.	تیف ۲ بناتنے بیغ بر تاریخ یخ بر قواہ ای دغندی	Tiap-tiap binatang yang bertaring yang berkuat ia dengan dia				

3) KATEGORI BURUNG

46.	بوروغ سواری	Burung suari				
47.	بوروغ جوم	Burung jum				
48.	بلیس	Belibis		Tiada perincian oleh pengarang		
49.	ضل بوروغ لاوة مليكن بوروغ اللقلق	Segala burung laut melainkan burung laqlaq				
50.	کاکق فادی	Gagak padi				
51.	مرفاتی	Merpati	Halal			188
52.	رولوکٹ	Tekukur		Tiap-tiap burung yang meminum dengan tiada bernafas dan menghisap		
53.	رتیتک	Ketitir				
54.	بوروغ قطا	Burung qata				
55.	حجل	Hajal				
56.	سکل بوروغ بیغ آنس روف چیوق دان جک بر لاین ورناث سکالیفون	Segala burung yang atas rupa ciuk dan jika berlainan warnanya sekalipun		Tiada perincian oleh pengarang		
57.	بوروغ سیواه	Burung siwah				
58.	هلن	Helang		-Binatang liar sama ada burungnya dan lainnya		
59.	کاکا توا	Kakak tua				
60.	رخمه	Burung rakhmah	Haram	- Burung yang menyambar dan mencapaiakan makanan dengan kaki		189
61.	بوروغ مراق	Burung merak				
62.	نوري	Nuri				

bersambung ...

... sambungan

4) LAIN-LAIN KATEGORI

63. لالات سکل بناتغ بع ملاتا فد بومي بناتغ بع دفرانتكندى درف دناتغ ي EDMakan دان بع تياد دماكن تيف 2 بناتغ بع دسوک أوله عرب مفوپاپي كموداهن دان طبيعة سجهترا لاك ف كنيك اختيار	Lalat Segala binatang yang melata pada bumi Binatang yang diperanakkan daripada binatang yang dimakan dan tiada dimakan Setiap binatang yang disuka oleh orang Arab mempunyai kemudahan dan tabiat yang sejahtera lagi pada ketika ikhtiar memakai akan dia	Haram <i>Tiada perincian oleh pengarang</i>
--	--	--

Secara keseluruhan, Jadual 1 telah menunjukkan bahawa terdapat 66 jenis haiwan yang telah dinyatakan oleh pengarang di dalam kitab *Kifayah al-Muhtadī* dengan 4 kategori atau pengelasan haiwan yang berbeza iaitu kategori binatang laut, darat dan terbang dan lain-lain kategori. Status hukum bagi setiap haiwan juga dinyatakan sama ada halal atau haram bagi tujuan pengetahuan umum pembaca. Perkara ini amat penting bagi memastikan para pembaca mendapatkan informasi serta rujukan yang tepat berkenaan haiwan yang halal dan haram untuk dimakan dalam Islam.

Hasil analisis turut mendapati bahawa sebanyak 32 haiwan telah diklasifikasikan sebagai haiwan yang halal dimakan dan 34 haiwan sebagai haiwan

yang haram untuk dimakan. Pembahagian hukum tersebut juga dapat dilihat menerusi pecahan bilangan haiwan yang halal dan haram mengikut kategori, iaitu 1 haiwan halal dan 8 haiwan haram bagi kategori binatang laut, 17 haiwan halal dan 19 haiwan haram bagi kategori binatang darat, serta 11 haiwan halal dan 6 haiwan haram bagi kategori binatang terbang. Bagi lain-lain kategori, terdapat 3 haiwan halal dan 1 haiwan haram. Justifikasi terhadap penghalalan dan pengharaman haiwan-haiwan tersebut juga telah diberikan dan dinyatakan oleh pengarang kitab. Hal ini dapat memberikan gambaran atau informasi dengan lebih jelas lagi. Perkara-perkara ini juga dapat disimpulkan dan dilihat seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2. Jumlah Haiwan Halal Haram Mengikut Kategori dan Justifikasi

PERKARA	HALAL	HARAM
BILANGAN KATEGORI BINATANG LAUT	1	8
BILANGAN KATEGORI BINATANG DARAT	17	19
BILANGAN KATEGORI BINATANG TERBANG	11	6
LAIN-LAIN KATEGORI	3	1
JUMLAH	32	34
KESELURUHAN	66 Haiwan	
JUSTIFIKASI/SEBAB	1) Tidak hidup ia melainkan di laut, tidak beracun, tidak berkehendak kepada sembelihan, sekalipun dalam rupa manusia atau anjing atau babi sekalipun 2) Kategori ni'am 3) Burung yang minum dengan tidak bernafas dan menghisap 4) Segala burung yang atas rupa ciuk dan jika berlainan warnanya sekalipun 5) Binatang yang disuka oleh orang Arab mempunyai kemudahan dan tabiat yang sejahtera lagi pada ketika ikhtiar	
	1) Hidup di dua negeri pada laut dan di darat, kerana ada padanya mudarat kepada badan manusia, atau bersanggatan keji rupanya 2) Mempunyai racun kerana mudarat 3) Sunat dibunuh 4) Binatang yang ditegah daripada membunuhnya 5) Binatang buas yang menerkam 6) Binatang liar 7) Melata pada bumi 8) Binatang yang diperanakkan daripada binatang yang halal dan binatang haram 9) Burung yang menyambar dan mencapaikan makanan dengan kaki 10) Binatang bertaring yang berkuat ia dengannya	

Sekiranya dilihat, justifikasi hukum halal dan haram haiwan-haiwan tersebut adalah bertepatan sepertimana yang telah digariskan oleh Syariah seperti dalil-dalil al-Quran dan hadis mahupun rujukan dari kitab fiqh tentang penghalalan dan pengharaman haiwan. Misalnya berdasarkan Kitab *al-Fiqh al-Manhajī ala al-Mazhab al-Imam al-Shāfi'ī* terdapat prinsip yang harus diaplikasikan apabila memilih atau menentukan haiwan yang halal dan haram. Antaranya ialah semua binatang yang dianggap baik oleh bangsa Arab ketika kehidupan mereka yang senang, termasuk pada zaman Rasulullah SAW adalah halal (Al-Khin, Al-Bugha & Al-Syarbaji 2007). Contoh kepada haiwan-haiwan tersebut adalah seperti berikut:

1. Semua spesis ikan yang hidup di dalam laut, termasuk yang dikenali dengan nama selain ikan. Ini kerana haiwan tersebut dianggap baik oleh orang Arab.
2. Haiwan ternakan kategori *al-an'am* iaitu unta, lembu, kambing, kuda, zebra (*himar wahsyi*), kijang, arnab.

Dalam konteks haiwan yang haram untuk dimakan pula, antara sebabnya adalah kerana mempunyai ciri-ciri seperti binatang buas yang mempunyai taring yang kuat untuk menangkap mangsa dan burung yang menerkam dengan kukunya (Al-Khin, Al-Bugha & Al-Syarbaji 2007). Contoh haiwan-haiwan tersebut adalah seperti harimau, singa, beruang dan burung hantu. Daripada Ibn Abbas R.A, beliau berkata:

تَكُنْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِّنَ السَّبَاعِ
وَعَنْ كُلِّ ذِي مُخْلِبٍ مِّنَ الطَّيْرِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW menegah dari memakan setiap binatang buas yang bertaring dan setiap jenis burung berkuku yang menerkam.”

[Riwayat Muslim (1934) dan Abu Daud (3803)]

Umumnya, Allah SWT juga telah berfirman di dalam Surah Al-A'raf ayat 157 bahawa Allah SWT menghalalkan segala perkara yang baik dan mengharamkan segala yang buruk dan keji (Ibn Kathir, t.th). Maka, setiap haiwan yang memenuhi

prinsip dan kriteria yang baik untuk dimakan menurut Syarak adalah halal dan sekiranya tidak, hukumnya haram.

وَيُحَلُّ لَهُمُ الطَّيَّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْحَبَائِثُ

Maksudnya : “Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”

(al-Quran. al-A'raf , 7: 157)

Selain itu, berdasarkan Jadual 1 di atas, terdapat juga istilah yang tidak dapat difahami secara jelas oleh pengkaji seperti haiwan yang diberikan nama dengan istilah asal kitab iaitu نسناس (Kotak nombor 7). Hasil carian yang dilakukan oleh pengkaji menerusi aplikasi enjin carian (*Search Engine*) Google juga mendapati bahawa tidak terdapat data yang dapat menerangkan ciri-ciri atau rupa sebenar haiwan tersebut secara jelas. Namun, istilah moden (rumi) banyak menyebut haiwan tersebut dengan nama ‘Nisnas’. Penjelasan atauuraian berkenaan haiwan tersebut turut tidak dibincangkan atau dinyatakan di dalam *Kifayah al-Muhtadī*. Meskipun begitu, terdapat kitab Melayu klasik yang menerangkan ciri-ciri haiwan Nisnas seperti yang telah disebutkan di dalam kamus Al-Marbawi. Menurut penulisnya iaitu Muhammad Idris ‘Abdul Rauf al-Marbawi (2020), نسناس bermaksud binatang seperti orang, matanya satu, tangannya satu dan kakinya pun satu (kera). Gambaran sebenar rupa haiwan tersebut masih tidak dapat dipastikan secara jelas dan ia menjadi suatu kelompongan yang boleh dikaji dengan lebih mendalam oleh para pengkaji kini tentang spesies atau spesifikasi haiwan tersebut.

Menerusi kitab *Kifayah al-Muhtadī* juga, terdapat beberapa istilah haiwan yang kurang difahami maksudnya disebabkan oleh jarang didengari dan terdapat juga istilah haiwan yang menggunakan perkataan dalam Bahasa Arab. Justeru, pengkaji telah melakukan carian dengan menggunakan istilah asal tersebut di enjin carian *Google* dan *Wikipedia*. Maklumat carian seterusnya disusun dalam bentuk jadual yang dibahagikan mengikut kolumn istilah dan terjemahan asal kitab, status, penamaan zoologi dan gambarajah.

JADUAL 3. Pengenalpastian Istilah Haiwan Menerusi Istilah Asal Kitab *Kifāyah al-Muhtadī*

No.	Istilah asal kitab	Status	Penamaan zoologi / Klasifikasi saintifik	Gambar
1.	مُرَاعٍ	Haram	<i>Subfamily: Lutrinae</i> <i>Species name: Lontra canadensis</i> <i>Common name: Otter</i> Nama Melayu: Memerang	 Photo by Charlie Hamilton
2.	بُونْتَلْ	Haram	<i>Subfamily: Tetraodontinae</i> <i>Species name: Tetraodon mbu</i> <i>Common name: Pufferfish</i> Nama Melayu: Ikan buntal	 Photo by Juergen goevert
3.	كَبِيش	Halal	<i>Subfamily: Caprinae</i> <i>Species name: Ovis aries</i> <i>Common name: Domestic sheep</i> Nama Melayu: Biri-biri	 Photo by Keith Weller
4.	سَلَادْخ	Halal	<i>Subfamily: Bovinae</i> <i>Species name: Bos gaurus</i> <i>Common name: Gaur/Indian bison</i> Nama Melayu: Seladang	 Photo by @shujath.mohammed

bersambung ...

... sambungan

5. **بربوغ** Halal
Subfamily: Dipodinae
Species name: *Jaculus jaculus*
Common name: Lesser Egyptian jerboa
Nama Melayu: Tikus kecil Mesir



Photo by Elias Neideck

6. **ورير** Halal
Family: Procaviidae
Species name: *Heterohyrax brucei*
Common name: Yellow-spotted rock hyrax
Nama Melayu: Hiraks batu



Photo by de:User:Buecherfresser

7. **خطاف** Haram
Subfamily: Hirundininae
Species name: *Hirundo rustica*
Common name: Barn swallow
Nama Melayu: Burung layang-layang



Photo by dennisjacobsen

8. **كلوار** Haram
Order: Chiroptera
Species name: *Plecotus austriacus*
Common name: Grey long-eared bat
Nama Melayu: Kelawar



Photo by Rudmer Zwerver

9. **دب** Haram
Family: Ursidae
Species name: *Ursus arctos*
Common name: Brown bear
Nama Melayu: Beruang



Photo by AVPS Ursul Brun

bersambung ...

... sambungan

10. حمار نگري

Haram

Family: Equidae
Species name: *Equus africanus asinus*
Common name: Domesticated donkey
Nama Melayu: Keldai



Photo by Adrian Pingstone

11. بوروغ سواري

Halal

Family: Casuariidae
Species name: *Casuarius casuarius*
Common name: Southern cassowary
Nama Melayu: Burung kasuari



Photo by Sevenke

Tidak Ditemui

12. بوروغ جوم

Halal

Tidak Ditemui

13. كاڭق فادى
(غۇرۇپ ئەرۇغۇ)

Halal

Family: Corvidae
Species name: *Coloeus monedula*
Common name: Western jackdaw
Nama Melayu: Burung jackdaw



Photo by Creative Commons

14. بلبيس

Halal

Family: Anatidae
Species name: *Dendrocygna javanica*
Common name: Lesser whistling duck
Nama Melayu: Itik belibis




Photo by Dr Jishnu R

15. بوروغ قطا

Halal

Family: Pteroclidae
Species name: *Pterocles alchata*
Common name: Pin-tailed sandgrouse
Nama Melayu: Burung Qata



Photo by Marc Guyt

bersambung ...

... sambungan

16.

حجل

Halal

Family: Phasianidae
Species name: *Alectoris chukar*
Common name: Chukar partridge
Nama Melayu: Burung chukar



Photo by hawaii.gov

17.

بوروغ سیواه

Halal

Family: Cuculidae
Species name: *Eudynamys scolopaceus*
Common name: Asian koel
Nama Melayu: Burung sewah tahu




Photo by Francis Yap

18.

کاکا توڑا

Haram

Subfamily: Cacatuinae
Species name: *Cacatua galerita*
Common name: Sulphur-crested cockatoo
Nama Melayu: Burung kakaktua putih



Photo by Patrick Ingremeau

19.

رخمه

Haram

Family: Accipitridae
Species name: *Neophron percnopterus*
Common name: Egyptian vulture
Nama Melayu: Burung nasar Mesir



Photo by Kousik Nandy

20.

بوروغ مراق

Haram

Family: Phasianidae
Species name: *Pavo cristatus*
Common name: Indian peafowl
Nama Melayu: Burung merak



Photo by Pngtree

bersambung ...

... sambungan

21. نوري Haram

Family: Psittacidae
Species name: Ara macao
Common name: Scarlet macaw
Nama Melayu: Burung nuri



Photo by Matthew Romack

Berdasarkan Jadual 3, terdapat sebanyak 21 jenis haiwan yang jarang didengari apabila ia dinyatakan dengan menggunakan istilah asal kitab dan istilah dalam Bahasa Arab. Namun, dapat difahami dengan lebih jelas apabila disertakan dengan nama saintifik, nama Melayu berserta gambarajah. Hasil kajian turut mendapati bahawa terdapat 2 jenis keldai yang telah dinyatakan dalam kitab *Kifayah al-Muhtadi*

, iaitu حمار نكير (halal) dan حمار (haram). Hukum memakannya juga adalah berbeza iaitu halal dan haram. Pengarang kitab tidak menyatakan perbezaan antara kedua jenis haiwan tersebut melainkan hanya menyatakan حمار di bawah kategori haiwan *ni'am* yang halal dimakan. Ia dapat dilihat menerusi potongan perenggan dalam kitab *Kifayah al-Muhtadi* pada muka surat 188 seperti di bawah:

أَكْنَدِي) كَرَانْ مُضْرَة يُشَرِّبُو أَيْتْ (دَانْ حَلَالْ عَمَّا كَنْ بَنَاتَهْ دَارْتَنْ
أَيْتْ) يَأْيَتْ (سَفَرْتْ نَعْمْ) اوْتَنْ لَبُو دَانْ كَرْبُو دَانْ كَبِيْغْ دَانْ
كَبِيْشْ (دَانْ رُوسَا دَانْ سَلَادْغْ دَانْ كَيْجِيْغْ دَانْ اَرْنَبْ دَانْ يَرْبُوعْ
دَانْ حَمَارْ دَانْ اَيْمْ هُوتَنْ دَانْ اِيْتِقْ دَانْ اَغَا) دَانْ ضَبْ دَانْ

Sumber: (Kitab *Kifayah al-Muhtadi*, (1351), p.188)

Pengkaji berpandangan bahawa ia berkemungkinan berkaitan dengan jenis-jenis keldai yang halal dan haram dimakan dalam Islam, iaitu keldai *ahli* (yang dipelihara atau domestik) dan keldai liar. Ini kerana, para ulama telah membahagikan keldai kepada dua jenis iaitu keldai *ahli* (jinak atau peliharaan) dan keldai *wahsyi* (liar) (iaitu zebra). Hukum keldai liar adalah halal dimakan dagingnya, seperti yang telah dinyatakan oleh al-Khatib al-Syirbini (1994) di dalam kitab *Mughnī al-Muhtāj*:

فَيَحِلُّ الْوَحْشِيُّ مِنْهُ وَيَحْرُمُ الْأَهْلِيُّ كَالْحِمَارِ

Maksud: “Makan halal (dimakan) dari jenis yang liar daripadanya (haiwan tersebut), dan haram (dimakan) yang jinak seperti keldai”

Menurut pendapat Imam al-Nawawi (t.th) dalam *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, semua haiwan liar sama ada dari spesis keldai, lembu, kambing gurun dan antelop (sejenis rusa) adalah halal dimakan tanpa khilaf dan menurut kesepakatan para ulama.

Seterusnya, keldai *ahli* iaitu yang jinak atau dipelihara adalah haram dimakan. Hal ini turut ditegaskan oleh Imam al-Nawawi (t.th) bahawa merupakan pendapat para ulama mazhab Syafie, dan majoriti ulama sama ada dari kalangan salaf, mahupun khalaf. Manakala Al-Khattabi (dalam al-Nawawi t.th) mengatakan bahawa ini merupakan pendapat seluruh ulama. Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa keldai yang halal dimakan merupakan keldai dalam kategori keldai liar (Mohd Salleh & Jaafar 2019; Ahmad Ayoup @ Ayub 2016), manakala keldai yang haram dimakan adalah dari kategori keldai ahli iaitu keldai yang jinak atau dipelihara.

KESIMPULAN

Syeikh Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fathani merupakan antara ulama tradisi yang banyak menyumbangkan ilmu menerusi kitab Melayu klasik. Sehingga ke hari ini, kitab beliau, *Kifayah al-Muhtadi*, banyak dijadikan sumber rujukan kepada para pelajar, ahli akademik mahupun ulama kontemporari kini dalam mencari perbahasan-perbahasan terhadap sesuatu isu tertentu. Masih terdapat banyak ruang untuk dikaji melibatkan kitab-kitab Melayu klasik seperti kajian perbandingan mengenai haiwan halal dan haram serta justifikasinya mengikut setiap kitab dan sebagainya. Secara umumnya, *Kifayah al-Muhtadi* telah menerangkan kategori haiwan-haiwan yang halal dan haram dengan jelas. Namun, antara inisiatif yang boleh dicadangkan bagi menganalisis bab ini dengan lebih lanjut adalah dengan usaha untuk mengaitkan setiap definisi haiwan tersebut dengan istilah tempatan supaya lebih difahami oleh masyarakat. Selain itu, setiap istilah haiwan juga boleh dipindahkan dalam bentuk glosari haiwan yang sistematik. Hal ini dilihat dapat memberikan banyak manfaat kepada masyarakat mahupun agensi tertentu seperti dapat dijadikan sumber rujukan dalam bidang halal dan menambah pengetahuan berkenaan haiwan yang halal dan haram kepada masyarakat umum.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian yang berjudul “Pembinaan Glosari Baharu Istilah Haiwan Halal Haram Berasaskan Karya Ulama Alam Melayu Melalui Pendekatan Analisis Tekstual dan Zoologi” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/FSU/0122/USIM/15622).

RUJUKAN

- Ahmad Ayoup @ Ayub, M. M. 2016. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, Al-Kafi #326: Hukum Memakan Daging Keldai (Edisi Kemaskini). <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1362-al-kafi-326-hukum-memakan-keldai>. [Diakses pada 27 Oktober 2023].
- Ahmad, N.M., Mohd Salleh, M.M. & Ab. Halim, M.A. 2019. The Right to Gamble: An Analysis of Gambling ‘Industries’ in Malaysia from Constitutional and Legal Perspectives. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7(2): 101-110.
- Al-Fatani, A.F. 2002. *Ulama Besar dari Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Al-Syarbaji, A. 2007. *Al-Fiqh al-Manhaji ala al-Mazhab al-Imam al-Syafi'e*. Dimasyq: Darul Qalam.
- Halim, M. A. A., & Salleh, M. M. M. (2012). The possibility of uniformity on halal standards in organization of Islamic countries (OIC) country. *World Applied Sciences Journal* 17(17): 6-10.
- Ibn Kathir. t.th. *Tafsir Ibn Kathir*. Beirut: Darul al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ismail, S.A., & Jalil, M.H. 2022. Sejarah dan Spesifikasi Kitab Turath Jawi “Sullam Al-Mubtadi Fi Ma’rifah Tariqah Al-Muhtadi” Karangan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 5(1): 42-50.
- Jamalluddin Hashim, Abdul Karim Ali, Hasanulddin Mohd. 2014. Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Shaykh Nur Al-Din Al-Raniri. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* (7)1: 1-24.
- Malik, M.P.A., Abdul Hamid, F.A.F., & Abd Rahim, R.A. 2020. Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik: Analysis of Development and Local Wisdom Classical Malay Fiqh Works *Jurnal Fiqh* 17(1): 89-134.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative research: a guide to design and implementation*. US: John Wiley & Sons Publishers.

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh (*Corresponding author*)
Timbalan Pengarah,
Institut Fatwa dan Halal,
Universiti Sains Islam Malaysia.
mahyeddin@usim.edu.my

Mohd Anuar Mamat
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia.
anuarmamat@usim.edu.my

Mustafa 'Afifi Ab. Halim
Pensyarah Kanan,
Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia.
afifi@usim.edu.my

Mohammad Najib Jaffar
Profesor Madya,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia.
najib@usim.edu.my

Nur Aida Md Tamrin
Pensyarah Kanan,
Fakulti Pertanian,
Universiti Putra Malaysia.
nuraida.mtamrin@upm.edu.my

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mohammad Najib Jaffar.
2019. *Halal Haram Haiwan Menurut Islam dan Fatwanya di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. 2020. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. 2020. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail Al-Fathani. t.th. *Kifayah Al-Muhtadi pada Menerangkan Cahaya Sullam Al-Mubtadi*. Bangkok. Thailand: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad Al-Nahdi Wa Awladuh.

Muhammad Nur bin Muhammad bin Ismail al-Fathani. t.th. *Kifayah al-Muhtadi bagi Menerangkan Cahaya Sullam al-Mubtadi*. Pattani-Thailand: Matba'ah Bin Hilabi.

Salleh, M.M.M., Mamat, M.A., Halim, M. A. A. & Jaffar, M.N. 2022. Analisis Haiwan Halal Haram dalam Kamus Al-Marbawi Karya Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi: Analysis of Halal Haram Animals in Al-Marbawi Dictionary by Sheikh Mohd Idris Al-Marbawi. *HALAL REVIEWS* 2(2): 17-27.

Wilson, D.E. & Reeder, D.M. 2005. *Mammal species of the world: a taxonomic and geographical reference*. 3rd edition. Baltimore: John Hopkins University Press.